



## **KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI STRATEGI PEMAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA ARAB (MPK SPMBA) UNTUK PELAJAR PENGAJIAN ISLAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

*Nooraihan Ali<sup>1\*</sup>, Mohd. Hilmi Abdullah<sup>2</sup> & Asyraf Hj. Ab. Rahman<sup>3</sup>*  
[nooraihanali@gmail.com](mailto:nooraihanali@gmail.com)

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

---

### **ABSTRAK**

Kemahiran membaca bahasa Arab merupakan kemahiran bahasa yang paling dominan dalam usaha untuk memperoleh dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan bidang pengajian Islam. Oleh itu para pelajar bidang pengajian Islam perlu lebih berketerampilan untuk membaca bahan-bahan pengajian mereka dalam bahasa Arab. Penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kemahiran membaca dan kecemerlangan pelajar dalam bidang pengajian mereka. Namun, banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar pengajian Islam berada pada tahap yang mengecewakan. Hal ini menyebabkan kurangnya penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar, walaupun mereka telah lama mempelajari bahasa tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan sebuah modul pengajaran strategi pemahaman membaca bahasa Arab yang dihasilkan bagi membantu penguasaan kemahiran membaca Arab dengan lebih efektif. Modul tersebut dinamakan sebagai Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Membaca Bahasa Arab (MPK SPMBA). Modul ini telah direka dan dibina untuk membantu pembaca meningkatkan kadar kecepatan membaca dan ketepatan memahami bahan bacaan bahasa Arab. MPK SPMBA dibina khas untuk pelajar, pengajar atau pembaca yang mempunyai asas bahasa Arab seperti pengetahuan asas nahw, sarf dan balaghah. Ianya dilengkapi dengan pengajaran strategi membaca yang diadaptasi daripada strategi membaca SQ3R (survey, question, read, recite dan review). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah modul yang dikenali dengan MPK SPMBA dan ujian pencapaian yang terdiri daripada dua set soalan ujian pemahaman teks iaitu ujian pra dan ujian pasca, dan satu set soalan soal selidik penggunaan strategi membaca yang diuji sebelum ujian pra dan selepas ujian pasca pemahaman teks. Data dianalisis menggunakan ujian t bagi menunjukkan perbezaan antara pembolehubah kajian menggunakan program SPSS versi 22. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan MPK SPMBA memberi kesan positif kepada peningkatan ketepatan pemahaman dan kecepatan membaca teks bahasa Arab dalam kalangan peserta kajian. Kajian ini juga menunjukkan MPK SPMBA sesuai diaplikasikan sebagai alat bantu mengajar secara terarah sendiri dalam meningkatkan kebolehan pelajar pengajian Islam memahami bacaan teks bahasa Arab dengan lebih tepat dan pantas. Penggunaan modul pembelajaran sendiri ini adalah relevan dengan tuntutan Dasar Pendidikan Kebangsaan Malaysia yang ingin "memastikan setiap murid Islam berpeluang mengikuti Pendidikan Islam dan bahasa Arab yang berkualiti" (KPM, 2012).

---

## 1. PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang tertua di dunia. Bahasa ini telah digunakan sebagai bahasa perantaraan utama oleh masyarakat Islam di seluruh dunia untuk mempelajari, memperolehi dan memperkembangkan pelbagai bidang keilmuan, lebih-lebih lagi bidang pengajian Islam. Bahasa ini merupakan bahasa al-Qurān dan al-Hadīth yang merupakan sumber utama pengajian Islam sejak zaman Nabi (S.A.W) lagi.

Memandangkan bahasa Arab adalah bahasa al-Qurān, konsep dan kaedah membaca adalah berdasarkan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W) dalam sūrah al-'Alaq (ayat 1-5). Penafsiran sūrah al 'Alaq oleh ahli-ahli tafsir telah membawa kepada penemuan konsep membaca yang lengkap, termasuklah cara untuk melaksanakan pembacaan dengan lebih berkesan (yang kini dikenali sebagai strategi membaca).

Dalam Islam, kepentingan menguasai kemahiran membaca terserlah dengan penurunan lima ayat pertama *sūrah al-'Alaq* kepada Nabi Muhammad (S.A.W) yang dimulai dengan suruhan untuk membaca (*iqra'*) yang bermaksud:

(1) Bacalah! dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. (2) Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. (3) Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia. (4) Yang mengajar (manusia) dengan pena dan tulisan. (5) Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Al-Quran al-Karim, 2018, p. 597)

Kemahiran membaca dalam konteks sūrah ini ditafsirkan oleh Sayyid Qutb (1992) dalam *Fī Zilāl al-Qurān* sebagai tuntutan belajar dan mengajar dengan perantaraan qalam (pena atau tulisan) untuk memperolehi dan menyebarkan ilmu pengetahuan demi kemuliaan dan pembangunan diri seseorang insan. Penggunaan perkataan *iqra'* (bacalah! olehmu) dalam sūrah ini dan bukannya *isma'* (dengarkanlah olehmu), menunjukkan bahawa pemerolehan ilmu pengetahuan perlu melalui aktiviti yang bersifat aktif seperti membaca yang memerlukan pemahaman, pemerhatian, penelitian dan penafsiran. Ianya berbeza dengan aktiviti mendengar yang disifatkan sebagai aktiviti yang pasif (Kazmi, 2005).

Seterusnya, penelitian terhadap lima ayat dalam sūrah al-‘Alaq juga menunjukkan bahawa membaca terbahagi kepada dua jenis iaitu, pertama, membaca tanpa teks bacaan (sebagaimana yang berlaku kepada Nabi (S.A.W) dan kedua, membaca berpandukan teks bertulis seperti mana ketika membaca tafsir al-Qurān (Shihab, 1996). Manakala bahan-bahan bacaan pula merangkumi segala perkara yang bermanfaat dan dapat dijangkau oleh manusia dengan perantaraan pelbagai media yang disimbolkan sebagai al-Qalam (pena) yang “merupakan alat atau bahan paling berkesan dan dominan ke arah pemerolehan ilmu pengetahuan” (Qutb, 1992, p 3939). Hal ini menunjukkan bahawa, elemen yang berkait rapat dengan membaca iaitu jenis, bahan dan media bacaan juga diserlahkan secara tidak langsung dalam sūrah al-‘Alaq.

Dari sini timbul pula persoalan, kenapa perkataan Iqra’ diulang sebanyak dua kali dalam surah tersebut? Menurut al- Marāghī (1946), pengulangan perintah tersebut adalah merujuk kepada aktiviti membaca yang lebih berkesan dan membekas di hati dan jiwa seseorang iaitu melalui pembacaan secara berulang kali. Penguasaan kemahiran membaca dan pemerolehan ilmu melalui aktiviti membaca tidak akan tercapai melainkan melalui proses pengulangan bahan bacaan sehingga menjadikan pembaca berkebolehan dan berbakat (malakah).

Penafsiran al-Marāghī ini adalah bertepatan dengan pandangan Ibnū Khaldūn berkaitan prinsip penting bagi menguasai mata pelajaran berbentuk kemahiran iaitu melakukan aktiviti sesuatu kemahiran secara berulang kali sehingga memperolehi *malakah* (kebolehan atau bakat) (Ibnū Khaldūn, 2017). Justeru, konsep membaca dalam sūrah ini telah dilengkapi lagi dengan satu elemen penting dalam kemahiran membaca, iaitu strategi membaca yang disimbolkan melalui pengulangan perkataan iqra’.

Para sarjana moden dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa untuk penutur asing juga berpandangan bahawa aktiviti membaca merupakan satu proses kemahiran yang agak kompleks. Ianya melibatkan aspek kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis (Giesen, 2001). Menurut Goodman (1971), membaca adalah proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat di dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang

dilakukan. Crawley dan Mountain (dalam Farida, 2005) pula berpandangan bahawa membaca melibatkan aspek metakognitif yang menjurus kepada pemikiran, pemahaman, penelitian, dan penilaian. Ianya merupakan suatu proses yang dilakukan oleh pembaca untuk memperoleh setiap maklumat yang hendak disampaikan oleh penulis melalui media kata atau bahasa tulisan (Tarigan, 2008). Justeru, ia merupakan satu proses yang dinamik tetapi kompleks yang meliputi keupayaan membaca dengan cepat, memahami, dan mengingati setiap fakta yang disampaikan serta membuat interpretasi secara bijak dan kritis (Nik Farhan, Nik Hanan & Abdul Rahman, 2010)

Kesimpulannya, konsep membaca yang banyak dibincangkan kini, merupakan rentetan kesinambungan dari pengembangan dan penjelasan tentang apa yang telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad (S.A.W) dalam lima ayat pertama sūrah al-'Alaq. Ini termasuklah hal yang berkaitan dengan strategi membaca berkesan yang merupakan pemangkin utama kajian ini. Perlu juga difahami bahawa tujuan utama membaca walau dalam apa jua bahasa pun, adalah untuk memahami bacaan dan bukanlah sekadar kebolehan menutur patah-patah perkataan. Justeru penguasaan kemahiran membaca yang dilengkapi dengan aplikasi strategi membaca perlu dititikberatkan oleh pembaca dalam usaha pemerolehan dan pengembangan ilmu pengetahuan.

### **1.1 Strategi Kemahiran Membaca**

Strategi kemahiran membaca merupakan salah satu cabang ilmu Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB). SPB merupakan antara topik perbincangan yang sedang hangat diperkatakan ketika ini. Hal ini demikian kerana SPB merupakan antara wadah yang dianggap berkesan bagi mengatasi masalah kelemahan PdP bahasa untuk bukan penutur jati seperti bahasa Arab yang dipelajari oleh masyarakat Islam di Malaysia.

SPB merupakan tindakan yang dilakukan oleh pelajar untuk membantu mereka memahami, mengingati dan menghasilkan aktiviti bagi menguruskan pembelajaran bahasa yang meliputi semua jenis kemahiran bahasa (Chamot, 1998). Penggunaan SPB yang berkesan dan bersesuaian akan menjadikan pembelajaran lebih mudah, cepat, seronok, bersifat sendiri, efektif dan boleh diubahsuai mengikut keadaan (Oxford, 1990).

Sebagai salah satu cabang ilmu SPB, strategi kemahiran membaca didefinisikan sebagai proses-proses mental yang dipilih oleh pembaca untuk digunakan bagi mencapai tugas membaca yang berupa suatu tindakan, atau satu siri tindakan yang digunakan oleh pembaca untuk membina makna ketika proses membaca (Cohen, 1990; Garner 1987). Strategi kemahiran membaca merupakan serangkaian tugas yang difikirkan oleh pembaca untuk membina makna dari bahan bacaan. Tugas tersebut merupakan gabungan beberapa bentuk tindakan yang perlu dilakukan oleh pembaca serta boleh dipelbagaikan dan disesuaikan dengan kandungan, tahap kebolehbacaan dan mutu bahan bacaan, agar kefahaman terhadap teks dapat dioptimumkan (Macaro & Erler, 2008).

SPB mula dibahaskan secara lebih terperinci oleh para pendidik dan pengkaji yang mempersoalkan dan mencari jawapan kepada persoalan kenapa ada pelajar mampu menguasai ilmu yang dipelajari dengan baik, sedangkan sebahagian lagi tidak mampu berbuat demikian. Tambahan pula, apa yang diajar kepada mereka menggunakan tenaga pengajar, bahan dan teknik pengajaran yang sama (Oxford, 1990). Kajian berkaitan persoalan tersebut dimulai dengan penemuan bahawa aplikasi SPB ketika proses PdP sama ada di dalam mahu pun di luar kelas merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kecemerlangan pelajar dalam pengajian mereka (Rubin, 1975). Seterusnya, kajian-kajian tentang SPB daripada pelbagai aspek telah dijalankan dengan lebih terperinci. Di antara penemuan yang amat memberangsangkan ialah, SPB boleh diajar dan dipelajari. Penemuan ini merupakan titik tolak kepada penyelesaian berkaitan fenomena kelemahan penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing sebagai medium pemerolehan ilmu pengetahuan. (Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Zamri dan Nik Mohd Rahimi, 2009; Macaro, 2001; O'Malley & Chamot, 1990; Oxford, 1990).

Pengajaran SPB untuk penutur asing telah dijalankan menerusi program-program latihan penggunaan SPB yang diadaptasi daripada SPB pelajar cemerlang bahasa. Latihan daripada program-program sedemikian telah memberi kesan yang positif kepada prestasi pelajar dalam proses PdP bahasa kedua atau bahasa asing (seperti kajian Cohen, 2003; Macaro, 2001; Mohamed Amin, 2000; Grenfell & Harris, 1999; O'Malley & Chamot, 1990; dan Oxford, 1990).

Melihat kepada keberkesanan SPB terhadap peningkatan penguasaan bahasa, beberapa orang pengkaji telah mencadangkan dan melaksanakan pendekatan kajian SPB berupa pembangunan model atau bahan PdP strategi pembelajaran bahasa, khususnya bahasa kedua atau bahasa asing. (Chamot, Barnhardt, El-Dinary & Robbins, 1996; Chamot & O'Malley, 1996; 1994; Rubin & Thompson, 1994; Oxford, 1990; Wenden & Rubin, 1987). Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menghasilkan satu modul pengajaran strategi belajar yang berjudul "Belajar Cara Belajar" khusus untuk para guru. Pusat Perkembangan Kurikulum memainkan peranan membina modul berkenaan bagi memberi garis panduan kepada guru berkaitan strategi pembelajaran yang berkesan sesuai dengan kehendak pendidikan masa kini dan masa depan. Antara strategi pembelajaran yang utama diberi penekanan adalah strategi membaca (KPM, 2001). Dengan demikian, kajian SPB kemahiran membaca diharapkan dapat memberi impak yang lebih besar bagi menyelesaikan masalah berkaitan penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati khususnya pelajar bidang pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi.

## **1.2 Kepentingan Kemahiran Membaca Bahasa Arab**

Berdasarkan matlamat PdP bahasa Arab, kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai disamping kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Namun begitu, kemahiran membaca bahasa Arab perlu diberi lebih keutamaan berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Hal ini demikian kerana kemahiran membaca teks bahasa Arab menjadikan pelajar memahami bahan bacaan pengajian Islam yang ditulis dalam bahasa Arab. Kemahiran ini boleh dianggap sebagai objektif utama yang perlu dikuasai, memandangkan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain kurang dipraktikkan secara meluas disebabkan faktor persekitaran yang kurang membantu pemerolehan bahasa asing berkenaan (Nik Rahimi, 1998).

Kemahiran membaca mempunyai hubungan yang erat antara bahan bacaan, proses membaca dan berfikir. Beberapa elemen yang terdapat dalam proses membaca iaitu faham, tindak balas dan kritis menuntut seseorang pembaca untuk berfikir secara aktif yang membolehkan pembaca berinteraksi dengan teks. Justeru, kemahiran membaca dapat membantu pembaca memahami makna yang tersurat dan juga tersirat yang cuba diketengahkan oleh penulis (Nik Farhan et al., 2010). Dalam keadaan tertentu, pelajar

yang menguasai kemahiran ini mampu menjadikan pembelajaran lebih dinamik dan bermotivasi, malah menjadi pemangkin kepada amalan dan tabiat membaca yang baik. Sebaliknya, kelemahan penguasaan kemahiran tersebut bukan sahaja boleh mematahkan semangat seseorang untuk menguasai bahasa yang dipelajari, bahkan ia juga boleh melunturkan keinginannya untuk membaca.

Dalam konteks pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling dominan dalam proses pembelajaran. Kemahiran membaca adalah antara pemangkin pembelajaran secara sendiri yang dapat memacu kejayaan dan kecemerlangan pengajian mahasiswa di IPT. Hal ini demikian kerana pembelajaran di IPT memerlukan daya usaha pelajar sendiri bagi menguasai bidang yang dipelajari masing-masing. Para pensyarah pula hanyalah bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara. Pembelajaran berpusatkan pelajar yang bersifat sendiri, menjadikan pelajar lebih berautonomi dalam pengajian mereka. Pelajar bebas untuk meneroka ilmu yang bermanfaat berdasarkan keinginan dan minat mereka sendiri melalui kemahiran membaca (Huba & Freed, 2000).

Justeru, PdP kemahiran membaca khususnya kemahiran menggunakan strategi membaca pemahaman amat penting bagi pelajar bidang pengajian Islam di IPT, agar mereka dapat memahami, memperolehi, menguasai dan menilai ilmu yang dipelajari serta dapat diaplikasi dalam kehidupan mereka. Seterusnya, sesuatu ilmu itu dapat dimanfaatkan dan disebarkan untuk kemaslahatan manusia dan alam seluruhnya.

### **1.3 Pengajaran Strategi Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab Untuk Penutur Asing**

Kajian telah menunjukkan bahawa SPB banyak digunakan oleh pelajar cemerlang bahasa dan ianya boleh diajar dan dipelajari melalui latihan dan pengajaran SPB. Namun, dalam proses PdP bahasa Arab sebagai bahasa asing, masih lagi terdapat kekurangan dari segi pengetahuan dan penggunaan SPB dalam kalangan pelajar mahu pun pengajar bahasa Arab.

Penumpuan kepada kaedah Grammar Translation merupakan antara faktor yang menyebabkan pengajaran strategi membaca tidak berlaku secara langsung di dalam

kelas. Ini adalah kerana, para guru kurang berpengetahuan tentang SPB yang efektif untuk kemahiran membaca (Nurazan, 2015). Akibatnya, pelajar tidak peka dengan strategi membaca berkesan dan tidak menggunakannya dalam pembacaan mereka. (Nik Farhan, 2011; Nik Hanan, Nik Farhan, & Nadwah, 2009; Ruhimah, 2003). Faktor ini telah memberi kesan kepada penguasaan kemahiran membaca. Banyak kajian menunjukkan bahawa, tahap penggunaan SPB bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT hanya berada pada tahap sederhana sahaja (Linamalini & Kamarul Shukri, 2017; Kamarul Shukri et al., 2013; Nurazan, 2004).

Kajian yang dijalankan oleh al-Haqbani dan Riazi (2012) pula menunjukkan bahawa pelajar banyak menggunakan strategi penyelesaian masalah seperti bertanya kawan dan merujuk kamus bagi menyelesaikan masalah kefahaman teks bacaan B2. Dalam konteks PdP bahasa Arab, menurut Nurazan (2015), pengajaran membaca secara berstrategi untuk memahami bahan bacaan belum lagi dipraktikkan oleh para pengajar bahasa Arab secara langsung dalam kelas kemahiran membaca. Mereka tidak berpengetahuan tentang SPB kemahiran membaca kerana tiada panduan yang jelas berkaitan SPB membaca berkesan, serta tiada latihan tentang cara pengajaran membaca pemahaman yang berstrategi.

Di samping itu, buku-buku teks dan modul-modul PdP bahasa Arab kurang menekankan aspek-aspek yang berkaitan penggunaan SPB untuk menguasai kemahiran berbahasa Arab. Apatah lagi apabila melibatkan panduan dan latihan-latihan penggunaan SPB. Menurut Nurafifah dan Suhaila (2014), terdapat banyak modul PdP bahasa Arab untuk penutur asing yang berada di pasaran amat bersesuaian untuk kegunaan pelajar di peringkat menengah tinggi dan juga di IPT. Modul-modul tersebut lebih banyak menekankan aspek tata bahasa Arab. Modul-modul bahasa Arab untuk subjek Bahasa Arab Tinggi Kertas Dua SPM sebagai contoh, lebih menekankan teknik memilih jawapan yang tepat daripada teks bacaan untuk soalan kefahaman (Abu Sakeena, 2014). Begitu juga modul kemahiran membaca bahasa Arab yang digunakan di IPT tidak mengandungi panduan atau penjelasan tentang cara bagaimana untuk membaca dan memahami teks bacaan dengan lebih efektif. Sebagai contoh, modul al-Qirāah (Abu Syatir, 2012) yang digunakan oleh pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSZA, kandungannya meliputi teks bacaan, penjelasan makna perkataan-perkataan yang dianggap baru, soalan-soalan



kefahaman serta latihan penulisan. Spesifikasi modul pula, tidak menepati struktur modul yang baik seperti ketiadaan objektif, halaman isi kandungan dan jawapan kepada soalan yang disediakan.

Dalam dunia pendidikan, cabaran utama para pendidik ialah menyediakan cara untuk membantu para pelajar menjadi pelajar yang bermotivasi, aktif dan mempunyai kemahiran penyelesaian masalah serta membuat keputusan. Salah satu strategi yang boleh diaplikasi oleh pelajar supaya lebih bermotivasi ketika proses PdP ialah pengaturan sendiri dan kemahiran daya tindak. Kefahaman terhadap konsep pengaturan sendiri adalah penting bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh itu pendidik memainkan peranan yang penting bagi menyediakan bahan pembelajaran pelajar terarah sendiri yang berkualiti. Manakala institusi pendidikan pula perlu menyediakan persekitaran pembelajaran bersesuaian dan berkesan.

Dalam proses penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran, seseorang pendidik harus sentiasa peka dengan elemen-elemen yang dapat mempengaruhi PdP, bukan sahaja di dalam kelas malahan di luar kelas. Pendidik perlu memikirkan suatu bentuk bahan pendidikan yang terbaik untuk mencapai hasil pembelajaran. Matlamat PdP tidak akan dicapai oleh seseorang pendidik sekiranya tidak mempunyai perancangan yang lengkap dan sistematik bagi membina sesebuah modul PdP. Oleh itu, seseorang pendidik perlu melalui lima peringkat pembinaan modul iaitu; *Analysis, Design, Development, Implementation, and Evaluation* (ADDIE) Kelima-lima peringkat pembinaan modul ini terdapat pada kesemua model pembinaan modul yang telah digunapakai oleh ramai pembina modul yang efektif. Peringkat penilaian keberkesanan modul merupakan peringkat yang paling kritikal kerana ianya akan menentukan kebolegunaan dan kebolehlaksanaan sesebuah modul.

Sorotan kajian menunjukkan bahawa modul yang melalui proses pembinaan yang sistematik amat berkesan untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif (Richey, Klein, & Nielson, 2004; Sidek & Jamaludin, 2005). Namun, hasil penelitian yang dibuat menunjukkan aspek pembinaan modul PdP bahasa Arab untuk penutur asing masih kurang, khususnya modul PdP SPB pemahaman membaca teks bahasa Arab secara sendiri. Oleh itu, dengan pembinaan dan penilaian

keberkesanan diharapkan dapat membantu pelajar yang telah mempunyai asas bahasa Arab daripada pelbagai program pengajian Islam di IPT untuk meningkatkan kemahiran membaca dan memahami teks bacaan akademik dalam bahasa Arab dengan lebih baik. Ini adalah kerana modul pembelajaran dapat membekalkan pelajar ilmu yang diinginkan iaitu, memberikan mereka pengalaman-pengalaman, maklumat-maklumat dan hakikat yang berlaku yang dapat menyuburkan kemampuan mereka dalam bacaan dan pemahaman teks. Dengan kata lain, kajian ini merupakan satu wadah penyelesaian kepada masalah kemerosotan kemahiran pemahaman membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar pengajian Islam khususnya di Malaysia dan untuk penutur asing secara amnya, melalui PdP SPB secara bermodul.

Kajian terkini yang dijalankan oleh Nurazan (2015) adalah amat berkaitan dengan fokus kajian ini. Kajian tersebut juga memfokuskan kepada pembinaan modul PdP SPB bahasa Arab untuk penutur asing. Modul yang dihasilkan memberi panduan kepada pengajar untuk mengajar pelajar menggunakan beberapa bentuk strategi untuk pemahaman bahan bacaan. Pengajaran SPB berdasarkan modul tersebut akan membantu guru untuk membimbing pelajar menjadi pembaca yang berstrategi ketika membaca teks. Dengan kata lain modul tersebut adalah untuk kegunaan guru. Bagi pihak pelajar pula mereka perlu mencatat dan mengingati semua peringkat pengajaran guru untuk dilaksanakan secara sendiri.

Kesimpulannya, penggunaan modul pengajaran sebagai bahan pengajaran dan pendekatan alternatif dapat meningkatkan minat, sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran mereka. Keberkesanan PdP SPB secara bermodul akan menjadikan pelajar bidang pengajian Islam lebih berketrampilan dalam usaha untuk memperolehi ilmu pengetahuan bidang pengajian mereka. Justeru pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan untuk memartabatkan lagi penggunaan modul yang lengkap dan efisien dalam PdP bahasa Arab khususnya kemahiran pemahaman teks bacaan bahasa berkenaan.

## **2. METODOLOGI**

Penilaian keberkesanan modul MPK SPMBA adalah melalui pelaksanaan modul dalam kelas sebenar berdasarkan reka bentuk kajian kuasi-eksperimen (quasi-experimental).

Ianya dilakukan bagi menentukan sama ada modul yang dibangunkan ini boleh digunakan dalam konteks yang sebenar (Dick, et al., 2005). Penyelidik hanya terlibat secara tidak langsung dalam pelaksanaan modul, iaitu sebagai fasilitator atau pemudahcara penggunaan modul.

### **2.1. Instrumen Dan Kaedah Penganalisan Data**

Terdapat 3 instrumen yang digunakan untuk memperolehi data pada fasa kajian ini seperti berikut:

- 1- Draf modul (Prototaip)- akan diberikan kepada pengguna untuk digunakan sebagai bahan PdP SPB pemahaman membaca teks bahasa Arab dalam tempoh tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan dalam modul.
- 2- Ujian pra dan ujian pasca pengesanan penggunaan SPB ubahsuaian *the survey of reading strategies* (SORS) (Mokhtari & Sheorey, 2002) – mengandungi 10 item soalan yang bersesuaian dengan SPB yang terdapat dalam isi kandungan pelajaran MPK SPMBA. 10 item soalan tersebut diadaptasi daripada 30 item soalan dalam SORS.
- 3- Ujian pra dan ujian pasca kemahiran pemahaman membaca - terdiri daripada empat item soalan seperti berikut:
  - i. satu item soalan aneka pilihan yang menguji kefahaman topik umum teks bacaan,
  - ii. satu item soalan betul atau salah untuk menentukan isi kandungan teks berdasarkan persoalan yang dikemukakan,
  - iii. satu item soalan betul atau salah untuk menentukan isi-isi penting teks, dan
  - iv. satu item soalan isi tempat kosong dengan 10-20 pilihan jawapan berdasarkan kefahaman teks.

Ujian pra dan ujian pasca kemahiran pemahaman membaca teks bahasa Arab melibatkan dua teks bacaan yang berbeza. Oleh itu, pengkaji membuat ujian setara bagi menentukan tahap kebolehbacaannya adalah pada tahap yang sama.

Kaedah menganalisis data ujian pencapaian bagi menilai keberkesanan MPK SPMBA adalah menggunakan ujian t (program IBM SPSS-statistics versi 22) untuk melihat

perbezaan pencapaian ujian pra dan pasca bagi satu kumpulan pelajar. Kekerapan secara peratusan pula digunakan untuk melihat respon pelajar berkenaan terhadap modul yang dihasilkan.

## **2.2. Prosedur Pelaksanaan Dan Penilaian MPK SPMBA**

Penilaian keberkesanan MPK SPMBA melibatkan 30 orang pelajar tahun satu, Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Bengkel penggunaan modul telah dilaksanakan selama dua hari yang melibatkan pembina modul sebagai fasilitator. Ianya bertujuan untuk menjelaskan cara penggunaan modul secara sendiri dan melaksanakan ujian pra dan pasca kefahaman teks bacaan dan ujian pra dan pasca pengesanan penggunaan strategi membaca.

Pengkaji mengadakan dua sesi bengkel penggunaan MPK SPMBA pada dua hari yang berlainan. Ini adalah kerana bengkel yang dilaksanakan kepada pelajar yang terlibat sebagai responden adalah pada musim perkuliahan mereka di UNISZA. Pengkaji perlu memilih masa yang bersesuaian dengan masa mereka agar tidak menjejaskan waktu perkuliahan rasmi pelajar-pelajar berkenaan.

Sesi pertama bengkel dijalankan selama dua jam untuk melaksanakan ujian pra dan sesi pengenalan modul. Bengkel penggunaan modul dan ujian pasca dilaksanakan pada sesi yang kedua pada hari yang ketiga selepas sesi pertama. Pengkaji meminta responden kajian menggunakan secara sendiri modul berkenaan di asrama masing-masing. Pada sesi kedua, soal jawab dijalankan selama satu jam sebelum menjawab ujian pasca.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan penilaian keberkesanan MPK SPMBA diperolehi daripada perbandingan markah ujian-ujian pra dan pasca kefahaman membaca teks serta ujian pra dan pasca penggunaan strategi ketika membaca. Dapatan ini juga diperolehi daripada perbandingan tempoh menjawab soalan ujian pra dan pasca kefahaman serta perbandingan dengan gred BAT responden. Semua perbandingan tersebut diperolehi daripada ujian-t. Ini adalah kerana ujian-t merupakan antara instrumen yang paling signifikan untuk membandingkan markah ujian kefahaman dan strategi, masa sebelum

dan selepas pelajar menggunakan MPK SPMBA. Oleh itu perbincangan data ini adalah berdasarkan topik-topik berikut:

1. Rumusan ujian-t pra kefahaman dan pasca kefahaman

Jadual 3.1 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $P < .000$ ) bagi tahap ujian kefahaman pelajar sebelum dan selepas mereka menggunakan MPK SPMBA. Skor min peratusan sebelum ialah ( $M=52.67$ ,  $SD=14.61$ ) dan selepas modul ( $M=72.27$ ,  $SD=12.70$ ). Analisis menunjukkan skor min peratusan selepas ujian mengalami peningkatan sebanyak 19.6%. Maka pelaksanaan modul ini adalah efektif untuk membantu meningkatkan kefahaman pelajar ketika membaca teks bahasa Arab

Jadual 3.1 Rumusan ujian-t pra kefahaman dan pasca kefahaman membaca teks bahasa Arab

Ujian Kefahaman	N	Min	SD	Df.	t	Sig.
Ujian Pra	30	52.66	14.6	29	-6.16	0.0
Ujian Pasca	30	72.26	12.7			

2. Rumusan ujian-t pra dan pasca penggunaan strategi

Jadual 3.2 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $P < .000$ ) bagi tahap masa pelajar sebelum dan selepas mereka mengikuti MPK SPMBA. Skor min peratusan sebelum ialah ( $M=28.23$ ,  $SD=6.83$ ) dan selepas menggunakan modul ( $M=19.73$ ,  $SD=4.94$ ). Analisis menunjukkan skor min peratusan selepas ujian mengalami penurunan dari aspek masa yang diambil 8.5%. Maka pelaksanaan modul ini adalah efektif untuk membantu pelajar memahami teks dengan lebih pantas.

Jadual 3.2 Rumusan ujian t pra dan pasca penggunaan strategi membaca

Ujian Strategi	N	Min	(SD)	(Df)	t	Sig
Ujian Pra	30	57.16	11.57	29	-11.3	0.00
Ujian Pasca	30	79.5	9.94			

3. Perbandingan kekerapan gred BAT dan markah ujian pra dan pasca kefahaman

Jadual 3.3 menunjukkan bahawa, daripada 30 orang pelajar, bilangan yang mendapat gred A hanya 2 orang dan majoriti responden mendapat gred B+ iaitu 33.3% (10 orang). Ini bermakna pelajar mempunyai tahap pencapaian bahasa Arab yang hampir sama iaitu tahap sederhana sebelum menggunakan MPK SPMBA. Apabila diuji dengan ujian pra kefahaman, daripada 30 orang responden, 10 orang yang mendapat gred B+, markah ujian pra kefahaman mereka ialah di antara 30 hingga 65 % (rujuk Jadual 3.4). Namun berdasarkan Jadual 3.5 pula, didapati markah ujian pasca kefahaman mereka telah meningkat di antara 50 hingga 98 %. Ini menunjukkan bahawa penggunaan MPK SPMBA telah membantu mereka meningkatkan tahap kefahaman teks bacaan ketika menjawab soalan ujian pasca kefahaman berbanding dengan sebelum menggunakan modul. Ini juga menunjukkan bahawa MPK SPMBA dapat membantu pelajar yang tahap bahasa Arab mereka sederhana untuk memepolehi kefahaman sebagaimana pelajar-pelajar cemerlang yang lain.

Jadual 3.5 juga menunjukkan bahawa terdapat responden yang gred bahasanya agak lemah berbanding dengan responden lain telah menunjukkan peningkatan dari segi kefahaman teks setelah menggunakan MPK SPMBA. Contohnya, responden 11, markah ujian pranya ialah 30%, meningkat menjadi 65% walaupun gred bahasa tingginya hanya C.

Secara keseluruhannya, penilaian keberkesanan MPK SPMBA melalui ujian pra dan pasca telah menunjukkan bahawa modul ini mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi bagi membantu pelajar pengajian Islam khususnya, meningkatkan kemahiran mereka untuk memahami teks bacaan dengan lebih efektif. Maklum balas daripada pelajar setelah menggunakan MPK SPMBA juga menunjukkan demikian. Kesemua mereka memberi maklum balas yang positif terhadap keberkesanan MPK SPMBA dan kebolehlaksanaan penggunaan strategi SQ3R yang dipelajari daripada modul tersebut untuk memahami teks bacaan bahasa Arab dengan lebih berkesan. Jadual 3.5 menunjukkan beberapa contoh maklum balas daripada responden yang dicatat pada modul serta ulasan pembina modul yang membuat penilaian berkaitan pebandingan markah ujian dan gred BAT.

Jadual 3.3 Kekerapan responden yang mendapat gred BAT

Gred	Frequency	Percent
A	2	6.7
A-	7	23.3
A+	5	16.7
Valid B+	10	33.3
C	5	16.7
C+	1	3.3
Total	30	100.0

Jadual 3.4 Markah ujian pra kefahaman dan gred BAT

Ujian Pra-Kefahaman	Gred Bahasa Arab Tinggi (BAT)						Total
	A	A-	A+	B+	C	C+	
30	0	0	0	2	1	0	3
40	1	0	0	2	1	0	4
45	0	2	1	2	0	0	5
50	0	2	2	1	0	0	5
55	0	1	0	1	1	0	3
60	0	0	0	1	1	1	3
65	0	2	1	1	0	0	4
80	0	0	1	0	1	0	2
90	1	0	0	0	0	0	1
Total	2	7	5	10	5	1	30

Jadual 3.5 Markah ujian pasca kefahaman dan gred BAT

Ujian Pasca-Kefahaman	Gred Bahasa Arab Tinggi (BAT)						Total
	A	A-	A+	B+	C	C+	
50	0	0	0	1	1	0	2
55	0	0	0	0	1	0	1
60	0	1	0	1	0	0	2
65	0	1	2	1	2	0	6
70	0	4	0	2	0	1	7
75	0	0	1	3	0	0	4
80	0	0	0	1	1	0	2
85	1	0	1	0	0	0	2
90	1	0	0	0	0	0	1
95	0	1	0	0	0	0	1
98	0	0	0	1	0	0	1
100	0	0	1	0	0	0	1
Total	2	7	5	10	5	1	30

Bil.	Maklum balas pengguna modul	Ulasan pembina modul
1	Teknik ini banyak membantu saya meningkatkan kefahaman	Peningkatan yang bagus. Ujian kefahaman 45%, penggunaan teknik 35%, masa untuk memahami teks berkurang sebanyak 10 minit,
2	Modul ini agak menarik kerana mengandungi <i>skill</i> dan tip-tip dalam memahami teks bahasa Arab. Yang lebih menarik lagi modul ini warna warni. Teknik dalam modul ini boleh digunakan ketika membaca buku atau nota untuk subjek-subjek dalam pengajian saya.	Ujian kefahaman meningkat sebanyak 15%, penggunaan teknik meningkat sebanyak 35%, masa untuk memahami teks berkurang sebanyak 8 minit.
3	Selepas selesai 2 kali ujian ini saya merasakan teknik yang diajar ini sangat membantu saya untuk memahami teks dan menjawab soalan berkaitan teks dengan lebih yakin dan baik.	Peningkatan yang amat mendadak (tertinggi). Markah ujian pra kefahaman meningkat dari 50% ke 100% pada ujian pasca kefahaman. Begitu juga dari segi penggunaan teknik dari 50% ke 85%. Kecepatan juga tertinggi, berkurang sebanyak 16 minit
4	Modul ini dapat meningkatkan kemahiran membaca, menulis saya.	Pelajar ini gred BAT adalah C. Peningkatan dari segi cepat membaca sebanyak 20 minit. Markah ujian kefahaman sama. Ujian strategi meningkat dari 45 kepada 65
5	Melihat kepada peningkatan pemahaman dan markah ujian membuatkan saya ingin menggunakannya bagi memahami dengan lebih mendalam lagi teks Arab.	Ujian kefahaman meningkat sebanyak 15%, penggunaan teknik meningkat sebanyak 25%, masa untuk memahami teks berkurang sebanyak 06 minit.

#### 4. KESIMPULAN

MPK SPMBA telah dapat diimplementasikan dalam kumpulan eksperimen yang besar, iaitu melibatkan 30 orang responden pelajar bidang pengajian Islam. Dapatan penilaian keberkesanan Prototaip MPK SPMBA telah membuktikan bahawa MPK SPMBA boleh digunakan dengan jayanya oleh pengguna sasaran. MPK ini dicadangkan penggunaannya oleh pelajar secara berbantuan pengajar yang bertindak sebagai fasilitator. Manakala pihak pengguna pengajar mampu menggunakannya secara sendiri. Secara umumnya, MPK SPMBA boleh diimplementasi dan digunakan oleh pengguna sasaran yang terdiri daripada pelajar pengajian Islam dan pengajar bahasa Arab khususnya Modul ini juga



boleh dipasarkan agar dapat dimanfaatkan oleh pembaca bahan-bahan berbahasa Arab yang bukan penutur jati supaya lebih berstrategi ketika membaca.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid Berwarna. (2018). Shah Alam: Karya Bestari.
- Abu Sakeena, Adnan Ishak. 2014. *Modul Abu Sakeena: Modul kertas 2 Bahasa Arab SPM*. Percetakan Abu Sakeena.
- Abu Syatir, Talib Ab Rahman. 2012. Al Qiraah. Modul kemahiran membaca pelajar Diploma Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Alhaqhani, A. & Riazi, M. 2012. Metacognitive awareness of reading strategy use in Arabic as a second language. *Reading in a Foreign Language*. 24(2). 231-235.
- Al-Marāghī, Ahmad Muṣṭafā. 1946. *Tafsīr Al-Marāghī*. Miṣr: Syarikah Matba'ah Muṣṭafā al-Bābiyyi al-Halabiyyi wa Aulādihi.
- Chamot, A. U., Barnhardt, S., El-Dinary P. B., & Robbins, J. 1999. *The learning strategies handbook*. New York: Longman.
- Chamot, A.U. & O'Malley. JM. (1994). *The CALLA handbook: Implimenting the Cognitive Academic Language Learning Approach*. New York: Pearson Education.
- Cohen, A. D. 2003. Strategy training for second language learners. *Eric Digest*. Washington DC: Eric Clearinghouse for Languages and Linguistics. Dicapai pada 3 Ogos 2015. [http://www.cal.org/resources/digest/digest\\_pdfs/0302cohen.pdf](http://www.cal.org/resources/digest/digest_pdfs/0302cohen.pdf)
- Cohen, A. D. 1999. *Strategies in Learning and Using a Second Language*. London: Longman.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan. 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia. dicapai pada 11 November, 2019 daripada <https://docplayer.net/52181156-Dasar-pendidikan-kebangsaan.html>
- Farida Rahim. (2005) Pelaksanaan pengajaran membaca di kelas IV SD 08 Padang. *Jurnal Bahasa Dan Seni*. p. 249-269.
- Garner, R. 1987. *Metacognition and reading comprehension*. Norwood, NJ: Ablex Publishing Co
- Huba, M. E., & Freed, J. E. 2000. *Learner-centered assessment on college campuses: Shifting the focus from teaching to learning*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2009. Konseptualisasi model pengajaran strategi pembelajaran bahasa kedua/asing. *Proceedings of ILANSS Issues in Language Teaching and Learning*.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman, & Siti Salwa Mohd Noor. (2013). Hubungan tahap pencapaian bahasa Arab dengan strategi pembelajaran bahasa model kognitif dan social kognitif dalam kalangan pelajar UNISZA. *Laporan Penyelidikan Dana Universiti UDM/09/BR0018*. Kuala Terengganu: UNISZA, Fakulti Bahasa dan Komunikasi.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Kazmi, Y. 2005. The rise and fall of culture of learning in early Islam. *Islamic Studies*, 44(1). 15-51.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Belajar cara belajar*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Goodman, K. S. 1971. *Psycholinguistic Universals In The Reading process*. The psychology of second language learning. Cambridge: Cambridge University Press. 135.
- Grenfell, M. & Harris, V. 1999. *Modern languages and learning strategies: In theory and practice*. London: Routledge.
- Ibnu Khaldun. (2017). *Mukaddimah (Terjemahan Lengkap Kitāb Muqaddimah)*. Shah Alam: Pustaka al-Kautsar.

- Linamalini Mat Nafi & Kamarul Shukri Mat The. 2017. Kepelebagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ipt kelantan. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*. 3. 1-8.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. 1990. *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Macaro, E., & Erler, L. 2008. Raising the achievement of young readers of French through strategy instruction. *Applied Linguistics*, 29(1), 90-119.
- Macaro, E. (2001). *Learning Strategies in Foreign and Second Language Classrooms*. London and New York: Continuum.
- Marohaini Yusoff. 2014. *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Mohamed Amin Embi. 2000. *Language Learning Strategies: A Malaysian context*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Farhan Mutapha, Nik Hanan Mustapha & Abdul Rahman Chik, (2010), Tabiat Membaca dalam Bahasa Arab, Dlm. Ambigapathy Pandian, Murshidi Harun @Zakaria, Tan Hock Thye, Siti Noraini Jupri & Noraini Ali (pnyt.) *Pancadimensi P&P Bahasa: Trend dan Amalan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 316-326.
- Nik Hanan Mustapha, Nik Farhan Mustapha & Nadwah Daud. (2009). Istrātijyyāt al-qirā'ah al-mucāṣirah ladā al-nāṭiqīn bi ghayr al-carabiyyah. *The Journal of the International Association of Arabic Language*. Dicapai pada 15 Januari, 2015. <http://www.allesan.org/majallah/hanan.htm>.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff. (1998). Bahasa arab untuk kemahiran komunikasi: satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21. *Prosiding Isu-Isu Pendidikan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afifah Fadzil & Suhaila Zailani @ Hj Ahmad. (2014). Tinjauan literatur modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk orang awam. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, Pengajian Islam UKM, Fakulti Kontemporari Islam & Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Unisza UKM dan UniSZA.
- Nurazan Mohamad Rouyan, 2004, *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di Kusza*. Disertasi Sarjana, tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurazan Mohamad Rouyan. 2015. *Design, development and evaluation of an instructional module on strategic arabic reading*. Disertasi PhD, tidak diterbitkan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Oxford, R. L. 1990. *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle Publishers
- Qutb, Sayyid. 1992. *Fī Zilāl al-Qurān* (Jilid 6, Edisi ke-17). Al-Qāhīrah: Dār al-Syurūq.
- R Petrina, S. (2007). *Advanced teaching methods for the technology classroom*. Hershey: Information Sciences, International.
- Raja Mohd Fauzi Raja Musa, Mowafak Abdullah Ahmad & Mohamed Amin Embi. (1999). The acquisition of Arabic reading comprehension skills among religious secondary school students: A pilot study. *Jurnal Pendidikan*, 24, 115-131.
- Richey, R. C., Klein, J. D. & Nelson, W. A. (2004). *Developmental research: Studies of instructional design and development*. Dicapai pada 4 Jun, 2015. <http://www.aect.org/edtech/41.pdf>.
- Rubin, J. (1975). What the good language learner can teach us? *TESOL Quarterly*, 9, 41-51.
- Rubin, J. & Thomson, I. 1994. *How to be a more successful language learner*. MA: Heinle & Heinle.
- Shihab, Muhammad Quraish. 1996. *Studi Kritis Tafsir al-Manar*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Sidek Mohd Noah. 2001. *Career development: Theory and practice*. Serdang: UPM Publishing.
- Sidek Mohd. Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Wenden, A. L. & Rubin, J. (1987). *Learner strategies in language learning*. New Jersey: Prentice Hall International.